



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS : ETR3013
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Berikan maksud usahawan dan keusahawanan.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** konsep keusahawanan menurut Islam.

(6 markah)

SOALAN 2

Perniagaan tunggal atau perniagaan milikan tunggal adalah entiti perniagaan yang paling asas yang hanya melibatkan seorang individu sebagai pemilik. Pemilik dan perniagaan atau organisasi perniagaannya adalah dirujuk sebagai satu entiti yang sama. Tiada pemisahan antara keduanya.

a. Senaraikan **enam (6)** kebaikan milikan tunggal.

(6 markah)

b. Senaraikan **empat (4)** keburukan milikan tunggal.

(4 markah)

SOALAN 3

Rancangan Perniagaan dihasilkan sebagai mekanisme bagi syarikat menjalankan perniagaan dalam dunia perniagaan yang kompleks dan mencabar.

a. Nyatakan **empat (4)** komponen bahagian perniagaan yang terdapat di dalam rancangan perniagaan.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** sasaran pembaca rancangan perniagaan.

(6 markah)

SOALAN 4

Kemahiran pengurusan penting dalam memastikan sumber-sumber syarikat seperti manusia dan kewangan dapat digunakan dengan berkesan dan cekap.

- a. Nyatakan **empat (4)** fungsi pengurusan.

(4 markah)

- b. Jelaskan **tiga (3)** jenis struktur organisasi.

(6 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.
Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Peluang merupakan satu konsep perniagaan yang menghasilkan keuntungan jika ia berubah menjadi satu hasil produk atau perkhidmatan.

- a. Bincangkan **lima (5)** proses dalam mengenal pasti, menilai dan memilih peluang.
(15 markah)
- b. Nyatakan **lima (5)** kemahiran mengenal pasti sumber.
(5 markah)

SOALAN 2

Napisah merupakan seorang graduan daripada Kolej Yayasan Pelajaran Johor dan memiliki Diploma Perbankan Islam. Beliau bekerja sebagai seorang pembantu operasi di sebuah bank di Johor. Napisah kemudian mengambil keputusan untuk memulakan perniagaannya sendiri memandangkan status jawatannya adalah bertaraf kontrak.

- a. Nasihatkan Napisah tentang langkah-langkah yang perlu diambil sebelum memulakan perniagaan.
(18 markah)
- b. Senaraikan **dua (2)** kelebihan perniagaan yang boleh didapati oleh Napisah
(2 markah)

SOALAN 3

Pemasaran adalah fungsi sosial dan pentadbiran yang bertujuan untuk mencipta, mengembangkan dan mengekalkan pelanggan dalam suatu aktiviti ekonomi atau pertukaran barang dan perkhidmatan.

- a. Jelaskan **empat (4)** strategi barang.
(12 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** strategi promosi.
(8 markah)

SOALAN 4

Pengurusan operasi melibatkan beberapa proses seperti pembelian bahan mentah, penghasilan produk, pengawalan kualiti produk dan pengawalan stok.

- a. Terangkan **enam (6)** simbol carta alir yang biasa digunakan.
(12 markah)
- b. Huraikan **empat (4)** proses pengeluaran.
(8 markah)

[60 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**